



NOTA TEKNIKAL

TECHNICAL NOTE

NOTA TEKNIKAL

1. Pendahuluan

Penerbitan ini memuatkan perangkaan utama getah asli yang diperoleh daripada Banci Estet Getah (RE), Banci Pemproses Getah (RP) dan Banci Pengguna Getah (RC) yang dilaksanakan setiap bulan.

2. Objektif

Objektif utama penerbitan ini adalah untuk memaparkan perangkaan getah asli berkaitan pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik dan stok. Di samping itu, data harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti di estet getah turut dimuatkan. Perangkaan ini akan membantu dalam perancangan dan penggubalan dasar serta pembuat keputusan bagi industri berasaskan getah.

3. Kuasa perundangan

Banci ini dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Seksyen 5 di bawah Akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik yang diterima adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan. Sementara itu, Seksyen 7 di bawah Akta yang sama memperuntukkan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama kepada banci yang dijalankan.

4. Skop dan liputan

Banci ini meliputi semua estet getah, kilang pemproses getah dan kilang pengguna getah di Malaysia yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Banci RE meliputi industri penanaman pokok getah (estet). Industri peringkat 5 digit (01291) ini dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. Banci RP meliputi kilang-kilang yang memproses getah asli mentah untuk menjadi produk separa siap (Contoh: Getah Mutu Malaysia (G.M.M.), susu getah pekat, dsb.). Manakala banci RC meliputi kilang-kilang yang menggunakan getah asli mentah/produk separa siap dan diproses menjadi produk siap (Contoh: tayar, sarung tangan getah dsb.).

5. Rangka (sumber)

Rangka banci getah dikemas kini setiap tahun untuk mengambil kira pertumbuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertumbuhan seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti, lokasi kilang atau alamat pos.

6. Metodologi

Banci ini dilaksanakan secara meluas menggunakan borang soal selidik RE, RP dan RC. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkap dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertumbuhan yang tidak respons.

7. Konsep dan definisi

Konsep dan definisi yang digunakan adalah berasaskan kepada syor-syor Pejabat Perangkaan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu¹ dan *The Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)*. Konsep berkenaan mengikut amalan yang sudah diterima pakai bagi memudahkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

8. Takrif industri getah

Estet getah

- (i) Semua kawasan, bersambungan atau berpecah-pecah dengan keluasan tidak kurang daripada 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan getah atau di mana penanaman getah dibenarkan dan di bawah satu hak milik yang sah; atau
- (ii) Mana-mana keluasan tanaman getah yang telah wujud dalam estet kelapa, koko atau kelapa sawit.

Kebun kecil getah

Meliputi semua kawasan, bersambungan atau berpecah-pecah, berjumlah kurang daripada 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan getah atau di mana penanaman getah dibenarkan dan di bawah satu hak milik yang sah. Kebun kecil getah terdiri daripada tersusun dan tidak tersusun. Kebun kecil yang tersusun meliputi kawasan di bawah rancangan kerajaan seperti berikut:-

- (i) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA);
- (ii) Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA);
- (iii) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA);
- (iv) Rancangan tanah Kerajaan Persekutuan yang lain; dan
- (v) Rancangan tanah Kerajaan Negeri.

¹ *International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations' Statistical Office, Statistical Papers, Series, M No. 90, United Nations, New York, 2009.*

Keluasan ditanam

Keluasan bertanam dengan getah (matang dan/atau belum matang) dan tidak terbiar selama-lamanya.

Keluasan ditoreh

Keluasan di bawah getah matang yang telah ditoreh termasuk kawasan yang "direhatkan" di bawah sistem giliran torehan.

Pengeluaran

Pengeluaran getah asli merujuk kepada kandungan getah kering (KGK) bagi susu getah cair, getah keping dan skrap (getah buku dan getah kulit) yang dihasilkan oleh estet dan pekebun kecil. Data ini dikumpul dari data pembelian getah mentah oleh kilang pemproses (RP).

Hasil

Hasil diperoleh dengan membahagikan jumlah pengeluaran dengan purata luas hektar yang ditoreh pada bulan rujukan.

Data import dan eksport dikumpul oleh Jabatan daripada borang pengikraran import dan eksport yang diperoleh daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga-Lembaga Zon Bebas. Angka perdagangan luar negeri Malaysia tidak termasuk perdagangan antara kawasan iaitu antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

9. Import dan Eksport

Import

Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain. Pengelasan import ini diistilahkan juga sebagai 'import umum'. Di dalam laporan ini, import dikelaskan mengikut negara asal barang tersebut, iaitu negara di mana barang berkenaan terakhir dibuat sebelum ianya diimportkan ke dalam kawasan pendaftaran.

Eksport

Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Di dalam laporan ini, eksport dikelaskan mengikut negara dituju, iaitu negara di mana barang-barang berkenaan dijangka akan digunakan, sejauh mana ia boleh ditentukan pada masa ianya dieksport. Bagi barang yang dihantar berdasarkan "*Optional bill of lading*", pelabuhan pertama yang diikrarkan dianggap sebagai negara yang dituju. Sekiranya maklumat negara yang dituju bagi barang-barang yang dieksport melalui Singapura tidak diketahui/diperoleh, eksport sedemikian diambilkira sebagai eksport ke Singapura, iaitu di bawah kategori yang sama seperti barang-barang yang digunakan di Singapura. Eksport termasuk eksport semula. Pengkelasan eksport ini diistilahkan juga sebagai 'eksport umum'. Data import dan eksport hanya meliputi kod getah asli di bawah HS4001.10.000 hingga HS4001.29.999.

10. Penggunaan domestik

Ia merujuk kepada penggunaan domestik getah asli seperti Getah Asap Berbunga (G.A.B.), susu getah pekat, Getah Mutu Malaysia (G.M.M.) dan sebagainya oleh pertubuhan pembuatan di Malaysia untuk mengeluarkan barangan seperti tayar dan tiub, kasut getah, sarung tangan getah, gelang getah, getah campuran dan lain-lain. Ianya tidak termasuk getah campuran & tebus guna getah dan getah sintetik.

11. Stok

Ia adalah stok getah yang dimiliki oleh sesebuah pertubuhan tidak kira di mana stok tersebut ditempatkan iaitu sama ada di dalam atau di luar kilang. Ia termasuk stok getah yang belum/sedang/telah diproses. Stok dilaporkan pada awal dan akhir bulan.

12. Harga

Harga purata pembeli waktu tengah hari bagi getah "F.O.B." di Kuala Lumpur. Data ini diperoleh daripada Lembaga Getah Malaysia (LGM).

13. Hak milik

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar yang terbesar (melebihi 50 peratus) dan bukannya mengikut taraf kerakyatan mereka.

- (i) Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan/diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai pemastautin Malaysia.
- (ii) Bukan residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negeri juga dianggap sebagai bukan residen Malaysia.
- (iii) Hak milik bersama ialah residen Malaysia atau bukan residen Malaysia memegang jumlah saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan.

14. Guna tenaga

Jumlah pekerja

Bilangan orang yang bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi bulan rujukan.

Gaji & upah dibayar

Pembayaran tunai, termasuk bonus yang dibayar komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, caruman oleh majikan dikecualikan. Elaun kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga dikecualikan.

15. Pembundaran

Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

16. Nota dan simbol

K.G.K	Kandungan Getah Kering
RM	Ringgit Malaysia
Kg/Hek	Kilogram sehektar
-	Tiada data

TECHINICAL NOTES

1. Introduction

This publication provides principal statistics of Natural Rubber information on rubber obtained from the Census of Rubber Estates (RE), Census of Rubber Processors (RP) and Census of Rubber Consumers (RC) were conducted every month.

2. Objective

The main objective of this report is to provide statistics on rubber with regards to production, imports, exports, domestic consumption and stocks. In addition, data of prices, number of employees, salaries & wages and productivity in rubber estates are also included. These statistics will assist the government in development planning, policy making and decision-makers of rubber based industries.

3. Legal authority

The survey was conducted under the provisions of the Statistics Act, 1965 (Revised 1989). Section 5 of this Act requires all establishments operating in Malaysia to provide actual information or best estimates to the Department. The Act stipulates that the contents of the individual returns received are confidential and only aggregated figures are published. Meanwhile, Section 7 under the same Act provides the penalty to the respondents that could not comply with the survey undertaken.

4. Scope and coverage

The census covered all rubber estates, rubber processor factories and rubber consumer factories in Malaysia registered with the Companies Commission of Malaysia (SSM), Malaysian Rubber Board (MRB) and Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).

The census of RE covered growing of rubber trees (estates). This industrial 5-digit level (01291) is classified under the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008. Census of RP covered the factories processing raw natural rubber into semi-finished products (Example: Standard Malaysian Rubber (S.M.R.), Latex Concentrate (LC) etc.). Whereas census of RC covered to factories consuming raw natural rubber/semi-finished products and processed into finished products (Example: tyres, gloves etc.).

5. Frame (source)

The frame (source) of rubber censuses are updated annually to take into account new establishments and to record any changes in the status of the establishments such as closed down, not operation, change in activities and location or postal addresses.

6. Methodology

The census was primarily conducted through mail enquiry using RE, RP and RC questionnaire. Respondents were given one month to complete and return the questionnaire to the Department. Field enumeration was then carried out to collect the complete questionnaire from the establishments that did not respond.

7. Concepts and definitions

Concepts and definitions used are based on the recommendations of the United Nations' Statistical Office¹ and The Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC). These concepts adhere to accepted practices, thereby facilitating international comparability of data.

8. Definition of rubber industry

Rubber estate

- (i) All areas, contiguous or non-contiguous, aggregating not less than 40.47 hectares (100 acres), planted with rubber or on which the planting of rubber is permitted and is under a single legal ownership; or*
- (ii) Any area planted with rubber in a coconut, cocoa or oil palm estate.*

Rubber smallholding

It is defined as all areas, contiguous or non-contiguous, aggregating less than 40.47 hectares (100 acres), planted with rubber or on which the planting of rubber is permitted and is under a single legal ownership. Smallholdings can be organized or unorganized. Organized smallholdings include those under various government schemes such as follows :-

- (i) Federal Land Development Authority (FELDA);*
- (ii) Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA);*
- (iii) Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA);*
- (iv) Other Federal Government land schemes; and*
- (v) State Government land schemes.*

¹ International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations' Statistical Office, Statistical Papers, Series, M No. 90, United Nations, New York, 2009.

Planted area

The area planted with rubber (mature and/or immature) and which has not been abandoned permanently.

Tapped area

The area under mature rubber that has been tapped including areas "rested" under rotational systems.

Production

Production of natural rubber refers to the dry rubber content (DRC) of field latex, rubber sheets and scrap (lump and bark) produced by estates and smallholders. This data is collected from the purchasing data of raw rubber processor factories.

Yield

The yield is derived by dividing the total production by the average hectareage tapped during the reference month.

The data on imports and exports are compiled by the Department of Statistics from declaration forms sourced from the Malaysian Royal Customs Department and Free Zone Authorities. External trade data for Malaysia do not include inter-regional trade between Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

9. Imports and Exports**Import**

Goods are brought into the country either directly or into bonded warehouses, whether or not such goods are for consumption, to be processed, used in manufacturing or for subsequent re-exports to other countries. This categorization of imports is also termed as 'general imports'. In this report, imports are classified according to the country of origin of the goods, that is, the country where the goods are given the final form before they are imported into the registration area.

Exports

Goods (locally produced or manufactured or imported for subsequent re-exports) taken out of the country. In this report, exports are classified according to the country of destination, that is, the country where it is expected that the goods will be consumed insofar as this can be ascertained at the time of export. In the case of goods shipped on an "Optional bill of lading", the country of destination refers to that of the first port declared. If the information regarding the country of destination of goods exported via Singapore is not known/available, such exports are included under the value of exports to Singapore that is, under the same category as goods consumed in Singapore. Exports include re-exports. This categorization of exports is also termed as 'general exports'. Data of imports and exports only covers natural rubber codes under HS4001.10.000 to HS4001.29.999.

- 10. Domestic consumption** *This refers to the usage of natural rubber such as latex concentrate, Ribbed Smoked Sheet (R.S.S.), Standard Malaysian Rubber (S.M.R.), etc. by manufacturing establishments in Malaysia to produce products such as tyres and tubes, rubber footwear, rubber gloves, rubber bands and others. Excluding rubber compound & reclaimed rubber and synthetics rubber.*
- 11. Stocks** *This refers to stocks of rubber owned by establishments regardless where it is located i.e. inside or outside the factory. They include stocks of unprocessed/in process/processed rubber. Stocks are reported as at the beginning and the end of the month.*
- 12. Prices** *Average buyers' mid-day prices for rubber "F.O.B." in Kuala Lumpur. Data on prices are obtained from Malaysian Rubber Board (MRB).*
- 13. Ownership** *The ownership of an establishment is classified by the residential status of the owner(s) of the majority (more than 50 per cent) of the paid-up capital and not by their citizenship status.*
- 14. Employment** *(i) Malaysian resident is any individual, company or other organization ordinarily domiciled in Malaysia for a period of at least one year. Malaysian registered branches and incorporated subsidiaries of foreign based/origins are also regarded as residents.*

- (ii) *Non-Malaysian resident is any individual, company or other organization ordinarily domiciled in a country other than Malaysia. Foreign branches and/or subsidiaries abroad owned by residents are also regarded as non-residents.*
- (iii) *Joint-Ownership is any Malaysian residents and Non-Malaysian residents held equal shares in the business.*

Total number of persons engaged

Number of persons working during December or the last pay period of the reference month.

Salaries & wages paid

Salaries & wages paid refer to cash payments, including bonuses, paid commissions, overtime wages, cost of living and allowances made to all employees during the reference year. While the employees' contributions to Employees' Provident Fund (EPF) and Social Security Organisation (SOCSO) is included. The employer's contributions are excluded. Allowances to working proprietor, working partners and unpaid family worker are also not included.

15. Rounding

The sum of the components may not add up to the totals in the tables presented in this publication due to rounding.

16. Notes and symbols

<i>D.R.C</i>	<i>Dry Rubber Content</i>
<i>RM</i>	<i>Ringgit Malaysia</i>
<i>Kg/Ha</i>	<i>Kilogram per hectare</i>
<i>-</i>	<i>Nil</i>

